

**PERTANYAAN DEWAN RAKYAT**

**PERTANYAAN : BERTULIS**  
**DARIPADA : YBM RAJA DATO' KAMARUL BAHRIN**  
**SHAH**  
**KAWASAN : KUALA TERENGGANU**

**SOALAN:**

**YBM RAJA DATO' KAMARUL BAHRIN SHAH (KUALA TERENGGANU)** minta **MENTERI KERJA RAYA** menyatakan dengan khusus apakah rangka jadual pelaksanaan dan pencapaian sebenarnya Pan Borneo Highway.

## **JAWAPAN:**

Tuan Yang Di-Pertua;

Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, projek Lebu Raya Pan Borneo merupakan Projek Aku Janji Kerajaan Pusat dan termasuk dalam manifesto Kerajaan Barisan Nasional semasa Pilihan Raya Umum ke-13 pada tahun 2013. Pembinaan lebu raya sepanjang 2,239km itu akan menghubungkan bandar-bandar utama di Sabah dan Sarawak; sekali gus akan meneruskan agenda kelangsungan pembangunan infrastruktur dan ekonomi di wilayah tersebut.

Mengenai status projek Lebu Raya Pan Borneo di negeri Sabah, untuk makluman Ahli Yang Berhormat, Perjanjian antara Kerajaan Pusat dengan Rakan Pelaksana Projek atau PDP bagi Lebu Raya Pan Borneo Sabah baru sahaja ditandatangani pada 11 April 2016 yang lalu.

Projek Lebu Raya Pan Borneo Sabah ini akan dilaksanakan oleh Syarikat Borneo Highway PDP Sdn. Bhd.. Anggaran kos awal projek tersebut ialah sebanyak RM12.86 bilion, iaitu melibatkan jarak sepanjang 706km bagi fasa pertama. Skop projek melibatkan naik taraf jalan Jalan Persekutuan dan Jalan Negeri sedia ada dan membina jalan baru dengan reka bentuk laluan 2 lorong 2 hala ('dual carriageway'). Pelaksanaan projek Lebu Raya Pan Borneo Sabah ini akan dilaksanakan secara 3 fasa. Fasa pertama melibatkan laluan Sindumin – Beaufort – Kota Kinabalu – Tuaran – Kudat; dan juga laluan Ranau – Telupid – Lahad Datu – Tawau. Fasa kedua pula

melibatkan jajaran Tamparuli – Ranau; manakala fasa ketiga dari Tawau – Keningau – Kimanis.

Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, pelaksanaan projek untuk fasa pertama sepanjang 706km akan dimulakan terlebih dahulu dan dirancang siap pada tahun 2021. Tempoh siap projek fasa pertama ini ialah selama 5 tahun 9 bulan. Pakej-pakej lain bagi fasa pertama Lebuhraya Pan Borneo Sabah akan ditender secara berperingkat mulai suku keempat tahun 2016.

Mengenai projek Lebuhraya Pan Borneo di Sarawak pula, untuk makluman Ahli Yang Berhormat keseluruhan jajaran yang terlibat ialah sepanjang 1,089km. Projek ini dilaksanakan oleh Syarikat Lebuhraya Borneo Utara Sdn. Bhd. (LBUSB) melalui kaedah PDP. Skop projek PDP ini melibatkan jarak sepanjang 822km sahaja, iaitu 85% daripada jarak keseluruhan Lebuhraya Pan Borneo Sarawak. Baki jajaran (15%) telah dan sedang dilaksanakan secara kontrak konvensional menerusi peruntukan pembangunan Kerajaan.

Anggaran kos projek Lebuhraya Pan Borneo Sarawak yang dilaksanakan secara PDP itu ialah sebanyak RM16.488 bilion. Pelaksanaan projek telah dibahagikan kepada 2 fasa. Fasa pertama melibatkan laluan dari Telok Melano – Sematan – Kuching – Serian – Sibu – Bintulu – Miri telah dimulakan pada tahun lalu. Manakala fasa kedua pula melibatkan laluan di bahagian Limbang dan Lawas dijangka akan dimulakan pada tahun 2018. Keseluruhan projek Lebuhraya Pan Borneo Sarawak – fasa yang pertama – dirancang akan siap dan beroperasi pada tahun 2021.

Sekian, terima kasih.